

*Flipped Classroom dalam Pengajaran Karangan***Wahindah Suhari**

wahidah_suhari@moe.edu.sg

Wan Alfida Suleiman

wan_alfida_suleiman@moe.edu.sg

Zuraidah Saidin

zuraidah_saidin@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Beacon

Abstrak

Pembelajaran tradisional yang berpusatkan guru sering berlangsung di bilik darjah. Banyak masa dihabiskan dengan memberi penerangan berpandu yang bersifat sehalu. Tugas diberikan sebagai kerja rumah dan mutu tugas yang diterima pula sering kali tidak memuaskan. Kajian ini memberi tumpuan terhadap kaedah *Flipped Classroom* dalam pengajaran karangan bagi murid-murid Darjah 5 dengan penggunaan wadah *ScreenCast-O-Matic* dan *Slideshare*. Kaedah *Flipped Classroom* merupakan antara pedagogi yang kian mendapat perhatian. Kaedah ini menggalakkan pembelajaran sendiri dan pelibatan aktif murid di dalam bilik darjah. Masa pembelajaran dapat digunakan sepenuhnya oleh guru dengan berinteraksi bersama murid. Pemantauan juga dapat dijalankan pada masa yang sama. Dapatan kajian amat memberangsangkan. Murid didapati lebih aktif berinteraksi bersama guru. Penggunaan teknologi yang fleksibel dan sesuai dapat membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: *flipped classroom*, pembelajaran sendiri, pelibatan aktif, interaksi



PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi kini membuka lebih banyak peluang kepada murid untuk meneroka dan meraih pengetahuan dalam alam maya. Teknologi kini mempunyai manfaat motivasi yang berupaya untuk menarik murid agar turut aktif dalam pembelajaran. Teknologi juga membantu murid mengekalkan minat dan menggalakkan pembelajaran sendiri. Minat murid akan turut meningkat apabila dapat mengakses bahan-bahan sedia ada, informasi terkini dan juga menerima input langsung daripada rakan dan guru. Kemudahan ini juga membantu murid menentukan kadar pembelajaran mereka dan bergerak mengikut keupayaan sendiri. Maka itu, pelantar yang sesuai harus digunakan oleh guru agar pembelajaran secara sendiri dengan sokongan komputer dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid serta menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Pembelajaran konvensional yang biasanya dijalankan di bilik darjah sering berpusatkan guru:

1. Guru memberikan murid gambar karangan.
2. Guru memberi penerangan mengenai gambar dan merangsang perbincangan bersama murid.
3. Guru dan murid melakukan aktiviti sumbang saran mengenai kosa kata atau frasa yang berkaitan dengan gambar.
4. Murid melengkapkan karangan sebagai tugas di rumah.

Pendekatan ini boleh menjadikan murid pasif dan besar kemungkinan perkara yang dibincangkan tidak digarap sepenuhnya mahupun digunakan sebagai bahan rujukan. Murid juga kurang berminat untuk turut aktif dalam pembelajaran. Respons yang diberikan murid juga agak lemah. Mutu karangan yang diterima sering kali tidak memberangsangkan dan berkemungkinan juga guru menghadapi masalah mendapatkan kembali tugas yang diberikan. Antara sebab utama murid tidak melengkapkan tugas yang diberikan mahupun menghantar tugas yang berkualiti adalah disebabkan mereka tidak tahu bagaimana untuk membuat tugas tersebut dengan baik.

Flipped Classroom merupakan model yang dipilih guru untuk menggalakkan



pembelajaran sendiri. Model ini juga diharapkan dapat membantu murid menentukan kadar pembelajaran mereka. *Blog*, *Screencast-O-Matic* dan *Slideshare* merupakan pelantar yang digunakan guru untuk menjalankan *Flipped Classroom*. Kuliah talian yang disediakan guru dengan menggunakan pelantar-pelantar tersebut membolehkan murid mengulang tayang dan merujuk kembali sesuatu pembelajaran itu pada bila-bila masa. Ini memberi peluang kepada murid untuk berfikir dan membuat renungan terhadap pembelajaran itu. Murid juga akan lebih bersedia untuk mengajukan soalan bagi menangani sebarang kemusykilan apabila berhadapan dengan guru semasa di bilik darjah.

Kertas ini akan memberikan tumpuan terhadap kaedah *Flipped Classroom* dalam pengajaran karangan untuk meningkatkan pemahaman murid, merangsang minat dan menggalakkan pembelajaran sendiri.

KAJIAN LEPAS

Dengan perkembangan teknologi yang kian meluas, integrasi ICT dalam pembelajaran semakin mendapat perhatian guru. Guru harus membuat perancangan dengan teliti sebelum mengintegrasikan ICT dalam kurikulum. Guru harus bijak memilih kaedah dan wahana ICT yang sesuai bagi menepati objektif dan konteks pengajaran, mengubah suai bahan sedia ada ataupun membangunkan persekitaran yang sesuai bagi memastikan pelibatan aktif murid dalam pembelajaran.

Dalam kajian ini, *Screencast-O-Matic* dan *Slideshare* telah dipilih sebagai wadah utama bagi menjalankan kaedah *Flipped Classroom*. *Flipped Classroom* merupakan antara pedagogi yang kian mendapat perhatian dalam dunia pendidikan. Pendekatan itu dianggap menarik kerana ketersediaan audio dan video yang merangkumi kepelbagaian subjek yang boleh digunakan sebagai bahan pengajaran. Dalam model *Flipped Classroom*, apa yang biasanya dijalankan di dalam bilik darjah dan apa yang biasanya diberikan sebagai tugas rumah telah 'diterbalikkan'. Murid menjalani sesuatu pengajaran melalui video atau kuliah talian sebelum menghadiri kelas dan kemudiannya mengikuti perbincangan secara aktif di bilik darjah bersama guru. Prinsip panduan dalam model *Flipped Classroom* ialah tugas yang biasanya dibuat di rumah, dijalankan di kelas di bawah bimbingan guru.



Kathleen Fulton (2012) melalui kajiannya berpendapat model *Flipped Classroom*: (1) membenarkan murid belajar pada kadar kederasan mereka sendiri; (2) membolehkan masa di kelas digunakan dengan lebih efektif; dan (3) membuat 'tugas rumah' di dalam kelas membolehkan guru lebih memahami masalah yang dihadapi murid dan gaya pembelajaran mereka yang berbeza. Menurut Zappe, Leicht, Messnwe, Litzinger, dan Lee (2009), tontonan video sesuatu pembelajaran sebelum menghadiri kelas membolehkan murid lebih bersedia untuk melibatkan diri dalam perbincangan aktif di bilik darjah kerana hal ini menggalakkan mereka bertanya dan memberikan respons bagi menghuraikan sebarang kemusykilan. Secara tidak langsung, cara sebegini menimbulkan minat murid terhadap sesuatu pengajaran dan meningkatkan pemahaman. Ruddick (2012) dalam kajiannya mendapati pencapaian murid yang menjalani model *Flipped Classroom* lebih tinggi. Murid juga menunjukkan minat yang lebih mendalam dalam pembelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian kuantitatif telah dipilih memandangkan matlamat utama kajian ini adalah untuk memantau sejauh mana penggunaan *Flipped Classroom* berjaya menggalakkan pembelajaran sendiri dan membantu murid menentukan kadar pembelajaran mereka sendiri. Masa yang diperuntukkan di bilik darjah lebih berkualiti dan dapat digunakan sepenuhnya oleh murid dan juga guru.

Pemantauan dan pemerhatian rapi dilakukan bagi mengumpul data yang diperlukan. Mutu karangan dinilai dan respons murid diambil kira bagi melihat sejauh mana keberkesanan kaedah yang digunakan ini.

Subjek Kajian

26 murid Darjah 5 terlibat dalam kajian ini. Murid telah didedahkan kepada penggunaan komputer dan ICT sejak mereka dalam Darjah 1. *Blog*, *Slideshare* dan penggunaan video dalam pengajaran merupakan pelantar yang tidak asing bagi kumpulan kajian ini. Setiap murid mempunyai komputer peribadi yang membolehkan mereka mengakses pendidikan maya dengan mudah.



Pelaksanaan Kajian

Pendekatan ICT diambil berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, yang membuktikan bahawa ICT merupakan satu alat yang berpotensi membantu meningkatkan minat dan pembelajaran murid jika dirancang dengan teliti. *Flipped Classroom* digunakan untuk menggalakkan murid menjalankan pembelajaran sendiri, mengikut tahap dan keupayaan mereka. Murid terlibat secara aktif dalam interaksi mereka bersama guru semasa perbincangan dan sumbang saran berdasarkan video yang mereka tonton pada peringkat awal pembelajaran.

Kaedah *Flipped Classroom* merupakan satu pembelajaran unik yang bersifat 'terbalik'. Pembelajaran yang biasanya dijalankan di bilik darjah kini beralih ke dalam talian dan murid mengikuti pelajaran tersebut di rumah. Video yang dirakamkan guru bersifat 'kuliah talian' yang perlu ditonton murid di rumah. Berdasarkan kuliah dan soalan-soalan rangsangan yang diajukan, murid mempersiapkan diri untuk perbincangan aktif bersama guru dan rakan-rakan. Berikutan pembelajaran itu, murid membuat tugas di bilik darjah, di bawah pemantauan guru. Dengan ini, kualiti masa di bilik darjah dapat digunakan guru sepenuhnya untuk berinteraksi bersama murid. Pemantauan dan usaha intervensi dapat diberikan secara langsung. Segala soalan murid terjawab serta-merta lantas mengurangkan kemusykilan yang dihadapi murid semasa membuat tugas.

Wadah *Screencast-O-Matic* digunakan untuk merakamkan kuliah mengenai gambar yang digunakan bagi penulisan karangan. Guru memberi penerangan mengenai gambar yang disediakan dan mengajukan soalan-soalan rangsangan. Langkah-langkah dan panduan yang diberikan dalam video bertindak sebagai perancah untuk membantu murid merampai sebuah karangan. Hasil rakaman itu dimuat naik di *Slideshare* untuk memudahkan murid mengakses dan mengulang tayang slaid mengikut kadar kesediaan dan kesesuaian murid.

Masa yang diperuntukkan untuk murid meneliti gambar-gambar bagi penulisan karangan dan mendengar penerangan guru yang biasanya dijalankan di bilik darjah, kini telah beralih di rumah. *Flipped Classroom* membenarkan



murid menentukan kadar pembelajaran mereka sendiri. Video kuliah yang dimuatnaikkan membenarkan murid meneliti dan memahami pembelajaran itu mengikut rentak mereka. Pembelajaran lebih berfokus kepada murid. Tugas yang seringkali dilengkapkan di rumah kini boleh diselesaikan di bilik darjah. Guru berperanan sebagai pemudah cara semasa murid membuat tugas. Murid secara langsung dapat menghasilkan mutu tugas yang lebih baik.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diraih melalui pemerhatian guru terhadap respons dan pelibatan murid di dalam kelas serta tugas yang dihasilkan oleh murid. Hasil kajian ini didapati amat menggalakkan. Hasil mutu karangan murid dipantau. Murid lebih peka dalam menyusun isi cerita. Murid juga berupaya mengakhiri karangan dengan gaya cerita yang berlainan, seperti yang dicadangkan dalam video dan juga melalui perbincangan aktif yang dijalankan di bilik darjah sebelum bermulanya aktiviti menulis.

Insentif diberikan kepada murid yang membuat persiapan untuk menggalakkan mereka menonton video kuliah sebelum kelas bermula. Murid yang tidak menonton video itu mendapati diri mereka tersisih dan tidak dapat mengikuti perbincangan dengan aktif. Pengajaran selanjutnya melihat hampir kesemua murid telah menonton video sebelum kelas bermula. Perbincangan menjadi lebih aktif dan murid lebih fokus dan lebih berminat membuat tugas di bilik darjah. Tugas yang diterima juga lebih bermutu. Memandangkan murid telah pun menonton video kuliah sebelum memasuki kelas, perbincangan yang dijalankan guru di bilik darjah menjadi lebih aktif dan efektif. Semasa perbincangan, murid aktif memberi pendapat yang sesuai, mengesyorkan akhiran yang pelbagai dan mengemukakan soalan-soalan bernas. 'Tugas rumah' yang dijalankan di bilik darjah, selepas perbincangan dijalankan, telah membolehkan guru menjawab segala keraguan murid. Tugas itu menjadi lebih bermakna dan murid teruja untuk memberikan yang terbaik. Ada murid dilihat merujuk kembali pada video kuliah semasa membuat latihan mengarang. Ini menunjukkan satu petanda positif dalam diri murid.

Hasil pemerhatian ini menunjukkan bahawa model *Flipped Classroom* yang dilalui oleh murid sungguh memberangsangkan. Murid memberikan



maklum balas yang positif akan konsep menonton video dan mempersiapkan diri bagi perbincangan sebelum kelas bermula. Murid lebih bersedia dan sedar apa yang bakal berlangsung di bilik darjah. Murid yang lemah juga turut meraih manfaat melalui video kuliah yang tersedia di *Slideshare*. Murid boleh merujuk video tersebut pada bila-bila masa and apabila perlu untuk membantu mereka membuat tugas, tanpa perlu ada guru di sisi.

Murid juga menyatakan walaupun mereka lebih suka akan kehadiran guru semasa pembelajaran, adanya kuliah talian ini amat membantu murid dalam meningkatkan pemahaman mereka. Kadang kala guru bergerak terlalu cepat dalam pengajaran di bilik darjah. Murid berasa ketinggalan dan tidak dapat mengikuti pengajaran guru. Kuliah talian membenarkan murid untuk memproses maklumat yang tersedia mengikut kadar kemampuan mereka. Kuliah talian juga dikatakan bermanfaat kerana ia membenarkan murid mengulang tayang mana-mana bahagian yang mereka perlukan lebih perhatian.

CABARAN

Beberapa cabaran telah dikenal pasti semasa menjalankan kajian ini. Antara cabaran yang dihadapi semasa menjalankan pembelajaran ini adalah memastikan murid menonton video dan membuat persediaan sebelum menghadiri kelas. Walaupun murid mempunyai akses terhadap komputer bimit yang digunakan di sekolah namun ada yang tidak mempunyai jalinan Internet di rumah. Kumpulan murid ini diberikan kebenaran menggunakan jalinan Internet di sekolah selepas waktu kurikulum.

Bagi guru pula, cabaran utama terletak pada masa yang harus diperuntukkan semasa merakam kuliah menggunakan *ScreenCast-O-Matic*. Guru mendapati mereka harus merakam dan mengedit berkali-kali agar video yang dihasilkan jelas dan mudah difahami murid. Ini memakan masa yang agak lama. Walaupun guru akui kesan kuliah yang dihasilkan itu amat memuaskan, cabaran masa dan kerumitan membuat video kuliah masih menjadi penyebab utama guru menolak penggunaan model ini secara berpanjangan. Namun, video-video kuliah yang dihasilkan boleh dijadikan bahan pengajaran pada tahun-tahun selanjutnya. Malah, dengan tersedianya kepelbagaian video pendidikan di alam maya, guru boleh mempertimbangkan



kegunaan klip-klip video yang sedia ada sebagai bahan yang boleh digunakan dalam model *Flipped Classroom*.

KESIMPULAN

Dapatan kualitatif yang diperoleh melalui kajian ini jelas menunjukkan bahawa kaedah *Flipped Classroom* dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dan menggalakkan pembelajaran sendiri. Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas juga menyokong penggunaan model ini. Namun, tidak semua jenis pengajaran sesuai menggunakan model *Flipped Classroom*. Hasil pembelajaran yang ingin diraih harus jelas dan sesuai dengan penggunaan model ini.

Kesimpulannya, kaedah *Flipped Classroom* telah berjaya meningkatkan minat murid terhadap konsep kuliah dalam talian. Penggunaan video membenarkan guru meneroka model pendidikan yang bermanfaat untuk murid. Murid menghargai model *Flipped Classroom* membenarkan mereka bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan lebih fleksibel dalam menentukan kadar pembelajaran mereka. Model ini membantu meningkatkan mutu pembelajaran murid dan memanfaatkan setiap tahap keupayaan murid.



RUJUKAN

- Bolliger D. U., Supanakorn S., & Boggs C. (2010). Impact of podcasting on student motivation in the online learning environment. *Computers & Education*, 55, 714-722.
- Fulton K. (2012). Upside down and inside out: Flip your classroom to improve learning. *Learning & Leading with Technology*, 39(8), 12-17.
- Herrington J., Reeves C. T., & Oliver R. (2000). Authentic Tasks Online : Synergy among learner, task, and technology. *Distance Education*, Vol 27, No 2, 223-247.
- Jonassen D., Howland J., Marra R.M. & Chrismond D. (2008). *Meaningful Learning with Technology*. Pearson Prentice Hall, New Jersey, USA.
- Ruddick K. W. (2012). *Improving education from high school to college using a more hands-on approach*. Unpublished doctoral dissertation, University of Memphis.
- Strayer J. (2012). How learning in an inverted classroom influences cooperation, innovation and task orientation. *Learning Environments Research*. 15, 171-193.
- Wang Q.Y., Woo H.L., & Chai C.S. (2010). Affordances of ICT tools for learning. *ICT for self-directed and collaborative learning*, 70-79.
- Zappe S., Leicht R., Messner J., Litzinger T., & Lee, H. (2009). "Flipping" the classroom to explore active learning in a large undergraduate course. *Proceedings of the 2009 American Society for Engineering Education Annual Conference and Exhibition*.

